

FAKTOR RELAPS DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH WANITA

*Muhammad Asyraf Che Amat, Jamaludin Ahmad
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Fenomena penagihan semula merupakan salah satu cabaran sukar dalam proses rawatan dan pemulihan dadah. Di Malaysia, walaupun program rawatan dan pemulihan dadah telah dilaksanakan sekian lama, namun angka penagihan semula terus menunjukkan kadar peningkatan yang ketara. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui apakah faktor yang menyebabkan penagih wanita masih lagi mengambil dadah walaupun telah berulang kali memasuki pusat pemulihan dan menerima rawatan. Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual bagi memperoleh data. Sampel kajian terdiri daripada empat orang penagih dadah wanita tegar yang pernah memasuki Pusat Pemulihan dan Penagihan Narkotik (PUSPEN) melebihi satu kali. Kajian ini telah dilaksanakan di PUSPEN Bachok, Kelantan iaitu PUSPEN khas untuk penagih-penagih wanita. Enam faktor yang mendorong mereka untuk kembali relaps telah ditemui daripada dapatan kajian iaitu faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor pendapatan, faktor penolakan masyarakat, faktor kurangnya pengetahuan dan pengamalan agama dan juga faktor media massa yang mengingatkan kembali kepada kenangan lama. Kajian ini turut memberikan cadangan daripada perspektif penagih bagaimana untuk membantu mereka berhenti daripada penagihan.

Pengenalan

Walaupun Malaysia sudah mencapai era globalisasi dan berkembang maju, tetapi masalah penagihan dadah masih menjadi satu isu utama kepada negara. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan, namun angka penagihan terutamanya penagihan relaps terus menunjukkan kadar peningkatan yang ketara. Misalnya, daripada jumlah 32,808 orang penagih yang dikesan pada tahun 2005, 17,419 adalah dari kalangan penagih relaps berbanding 15,389 orang penagih baru (AADK, 2005). Manakala kadar kejayaan pemulihan bagi kes-kes dalam komuniti sepanjang tahun 2005 menunjukkan hanya 32.6% sahaja penagih yang telah berjaya membebaskan diri daripada cengkaman dadah setelah mendapatkan khidmat rawatan dan pemulihan di pusat serenti (AADK, 2005).

Berdasarkan kepada laporan dadah (AADK, 2009) pula, jumlah penagih baru dari Januari - Disember 2008 ialah sebanyak 5,939 orang manakala jumlah penagih baru dari Januari - Disember 2009 adalah sebanyak 7,123 orang. Perbezaan peningkatan antara tahun 2008 - 2009 adalah sebanyak 19.94%, satu jumlah yang agak besar bagi sebuah negara membangun yang sedang menuju ke arah negara maju. Bagi kes penagih berulang pula, sejumlah 6,413 orang penagih yang telah dikenalpasti pada tahun 2008 dan ianya terus meningkat sebanyak 34.31% sehingga mencecah angka 8,613 orang penagih pada tahun 2009. Bagi kes penagih wanita pula, pada tahun 2008 sebanyak 276 orang penagih dapat dikesan dan ianya terus meningkat kepada 278 orang penagih pada tahun 2009 dan 580 orang penagih pada tahun 2010.

Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh AADK ini, menunjukkan betapa kes penagih yang relaps dan tegar adalah lebih tinggi dan berada di tahap yang lebih serius berbanding kes penagih baru dan ianya turut meningkat bagi kes penagih wanita. Hal ini perlulah dipandang secara serius kerana hasrat negara Malaysia adalah untuk menjadi sebuah negara yang bebas dadah pada tahun 2015 sepertimana yang termaktub dalam Dasar Dadah Negara mungkin tidak akan menjadi realiti sekiranya punca utama kepada gejala relaps ini tidak dikenalpasti. Kesimpulannya, melihat kepada perangkaan yang telah dinyatakan, menunjukkan kepada kita bahawa isu kewujudan penagih dadah tegar dan kesukaran mereka untuk berhenti adalah satu fenomena yang sungguh membimbangkan negara. Jika kita tidak berusaha menentangnya, ia akan terus melemah dan menghancurkan masyarakat. Justeru, kajian ini dilaksanakan adalah untuk memahami pengalaman penagih dadah tegar dalam usaha mereka untuk berhenti daripada penagihan dadah walaupun hakikatnya telah berulang kali memasuki pusat pemulihan dan juga penjara.



Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian ini dijalankan di Pusat Pemulihan dan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Bachok, Kelantan.. PUSPEN merupakan tempat dilaksanakan usaha-usaha untuk memulihkan para penagih dadah agar meninggalkan alam penagihan dan kembali ke kehidupan normal. Objektif PUSPEN ditubuhkan adalah untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada setiap individu yang dikenalpasti sebagai penagih dadah untuk membebaskan mereka daripada pergantungan dadah secara fizikal dan psikologikal dan seterusnya menjadikan mereka insan yang insaf, berguna dan produktif. PUSPEN Bachok dipilih kerana di PUSPEN ini menempatkan penagih-penagih wanita yang menjalani rawatan pemulihan di Malaysia. Pengkaji telah menemubual setiap peserta kajian sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali bagi mengukuhkan data yang diperolehi. Bagi meningkatkan kesahan dalaman kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah antaranya seperti triangulasi (data dan penyelidik), *member checks*, pemeriksaan rakan sekerja (*peer examination*) dan juga kaedah *bracketing* atau *epoche* untuk memperjelaskan cara yang pengkaji gunakan bagi menangani isu *bias* penyelidik. Berdasarkan kriteria pemilihan kajian dan tahap ketepatan data yang diperolehi, seramai empat orang peserta telah dipilih menggunakan persampelan purposif. Umur peserta kajian berada dalam lingkungan 28 hingga 55 tahun dan mereka terdiri daripada dua orang yang berbangsa Melayu, seorang berbangsa India dan seorang berbangsa Cina. Pengkaji telah mendapat kerjasama daripada Pegawai PUSPEN untuk memilih mereka yang benar-benar tegar (telah memasuki Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik dan Penjara beberapa kali) untuk menjadi peserta kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi-struktur kepada para peserta kajian. Sidek Mohd Noah (2002) menyatakan bahawa soalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual semi-struktur disusun dan dijadualkan tetapi peserta diberi kelonggaran semasa memberi jawapan. Kebaikan menggunakan kaedah temu bual bersemuka ini ialah pengkaji mampu mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan terperinci. Ia boleh digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam yang tidak mungkin diperolehi melalui kaedah lain seperti kaji selidik dan pemerhatian (Sidek Mohd Noah, 2002). Ia secara tidak langsung dapat menjalin dan mengekalkan hubungan dengan peserta yang akan menyumbang kepada maklumat yang lebih sah dan boleh dipercayai. Ia juga boleh digunakan sebagai satu kaedah semakan dengan cara memastikan keberkesanan komunikasi antara pengkaji dan peserta.

Dapatan Kajian

Jadual 1 adalah ringkasan kepada maklumat latar belakang peserta kajian ini:

Jadual 1: Latar belakang Peserta Kajian

Nama	Asmah	Bunga	Roslina	Sharen
Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Keturunan	Melayu	Melayu	India	Cina
Umur	28	55	39	40
Agama	Islam	Kristian	Islam	Kristian
Tahap Pendidikan	Tingkatan 4	Tiada	Tingkatan 1	Darjah 5
Taraf Perkahwinan	Janda	Janda	Berkahwin	Bujang
Pekerjaan Sebelum Ini	Kerja Kilang	Jual Dadah	Kilang	Promoter JUSCO
Pendapatan	RM 800.00	Tidak tetap	RM 900.00	RM 1000.00



Kekerapan ditahan di PUSPEN	3 kali	3 kali	3 kali	2 kali
Tempoh Terlibat dengan Dadah	9 tahun	34 tahun	22 tahun	6 tahun

Persoalan Kajian: Mengapa penagih dadah wanita kembali relaps?

Bagi menjawab persoalan kajian, setelah selesai membuat transkrip dan data dianalisis, enam faktor yang mendorong mereka untuk kembali relaps telah ditemui daripada dapatan kajian iaitu faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor pendapatan, faktor penolakan masyarakat, faktor kurangnya pengetahuan dan pengamalan agama dan juga faktor media massa yang mengingatkan kembali kepada kenangan lama.

Faktor Diri Sendiri

Dapatan kajian mengenai tema diri sendiri ini telah dipecahkan kepada beberapa bahagian atau dikenali sebagai subtema. Antara subtema yang wujud hasil daripada temubual yang dijalankan adalah seperti hati yang tidak kuat, perasaan bosan dan juga perasaan marah dan dendam. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan peserta kajian terlibat dalam faktor diri sendiri ini. Dalam faktor diri sendiri ini subtema hati yang tidak kuat seringkali disebut oleh informan antaranya Bunga dan juga Asmah (bukan nama sebenar).

Hati yang tidak kuat

Kebanyakan dari peserta menyatakan sukar untuk berhenti daripada penagihan adalah kerana mereka tidak mempunyai kekuatan serta keyakinan peribadi untuk berhenti daripada menagih dadah. Melalui dapatan kajian, terdapat penggunaan alasan "hati yang tidak kuat" secara dominan oleh pihak peserta kajian. Alasan "hati yang tidak kuat" ini menjelaskan bahawa peserta kajian sememangnya mempunyai pendirian diri yang lemah untuk melawan nafsu daripada terlibat dalam aktiviti penagihan. Walaupun sudah berkali-kali mencuba untuk berhenti, tetapi kerana hati yang lemah mereka akhirnya tertewas dan kembali menagih. Ini boleh dibuktikan melalui kenyataan Bunga:

"Gua tak hisap gua boleh. Tapi jangan sampai sakit hati gua. Sikit je tersentuh, gua teringat lama-lama, gua boleh menangis, gua boleh ambil balik. Gua tidak boleh ingat benda lama-lama, hati gua tak kuat, gua akan ambil balik".

Bunga menceritakan yang dirinya tidak boleh untuk mengingati kisah-kisah lama yang boleh membawa kesedihan. Apabila bersedih, hatinya akan menjadi tidak kuat untuk menahan diri daripada mengambil semula dadah. Bunga juga menyatakan faktor hati yang kuat merupakan elemen penting bagi mengelakkan diri daripada terjebak semula ke dalam kancang penagihan dadah.

"First 13 bulan, second 6 bulan. Ok aunty, aunty dah masuk 13 bulan, keluar. Kenapa boleh hisap balik?"

"kadang-kadang jiwa gua tak boleh tahan"

"jiwa tak boleh tahan macam mana tu?"

"kita tak boleh cakap sekeliling kita walaupun dia tu penagih. Kalau hati kuat, you tak boleh hancur. Like serupa encik kan, kita tak ada menagih. Kita tengok penagih, hati lu kuat, boleh jatuh ke?. You tak jatuh, mesti u boleh ..kan?. Kelemahan tu ada pada diri kita sendiri".

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan pengakuan yang dilakukan oleh Asmah. Asmah menceritakan:

"husband saya dia ok, dia baik. Tapi saya je la yang tak betul. Saya rasa, saya memang salahkan diri saya. Saya yang tak betul, family semua ok, saya selalu fikir, ini kesalahan diri saya, ini lah yang saya dapat. Saya rasa tak ada tertekan apa-apa. Entah erk, saya nak cakap macam mana, rasa bosan duduk dekat rumah? semua ada, semua cukup. Kadang-kadang nak kata sebab kawan-kawan pun ada juga, tapi saya rasa saya nak kena, saya kena, saya tak nak, saya tak nak la, macam tu je la fiil saya.."
"adakah kerana hati belum bersedia untuk berhenti?"



“a’aa, hati rasa masih nak menagih, masih belum kuat untuk berhenti”.

Berdasarkan penceritaan peserta, dapat dirumuskan bahawa subtema hati yang tidak kuat untuk berhenti menjadi faktor utama mengapa seseorang penagih itu masih lagi relaps walaupun telah berulang kali memasuki pusat dan penjara untuk menerima rawatan.

Hati yang tidak kuat telah dikenalpasti merupakan punca utama kenapa seseorang penagih itu boleh kembali relaps. Setelah beberapa kali memasuki pusat pemulihan dan penjara, para penagih mengakui bahawa mereka sama sekali tidak boleh menyalahkan pihak lain sebagai faktor utama yang menyebabkan mereka kembali relaps. Mereka mengakui bahawa mereka tahu tentang bahaya dadah dan ada juga dalam kalangan mereka yang pernah cuba untuk membunuh diri kerana kecewa dengan diri sendiri kerana gagal untuk berhenti daripada penagihan. Namun, kerana hati yang masih belum kuat dan tidak mempunyai keyakinan untuk berhenti menyebabkan mereka kembali menagih. Dadah seolah-olah sudah menjadi *taboo* atau sumpahan di dalam hidup mereka.

Para penagih relaps ini juga menyatakan yang mereka bukannya bodoh walaupun mungkin masyarakat melihat mereka seperti orang bodoh. Mereka sudah kaya dengan pengalaman rawatan tetapi kerana faktor hati yang lemah menyebabkan mereka terus berkecimpung dalam penagihan dadah. Dapatan kajian yang didapati ini telah menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Fauziah et al. (2008) dan Fauziah dan Nareshi (2009) yang menyatakan bahawa penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan faktor mempunyai efikasi diri yang rendah.

Efikasi diri yang rendah bermaksud para penagih relaps tidak mempunyai kepercayaan terhadap kemampuan diri mereka sendiri untuk berhenti daripada penagihan (Bandura, 1977). Dapatan ini juga adalah selari dengan teori yang digunakan oleh pengkaji iaitu Teori Efikasi Diri yang diperkenalkan oleh Bandura (1977) yang mana menyatakan jangkaan efikasi diri inilah penentu yang penting dalam perubahan tingkahlaku kerana jangkaan inilah yang akan menentukan tekad awal untuk melakukan sesuatu tingkahlaku walaupun berhadapan dengan sesuatu halangan. Kebanyakan penagih yang ditemui menyatakan yang mereka tidak berani berjanji berupaya untuk berhenti daripada penagihan sekiranya dibebaskan nanti. Walaupun di hati memang mempunyai niat untuk berhenti, tetapi kerana pengalaman lampau yang sering gagal dalam percubaan untuk berhenti menyebabkan efikasi diri penagih menurun seterusnya merendahkan kepercayaan mereka bahawa mereka akan berjaya untuk melakukan sesuatu.

Bosan

Perasaan bosan juga merupakan faktor utama yang menyebabkan seseorang penagih boleh kembali relaps. Ruang masa yang terlalu banyak dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan membuatkan penagih cenderung untuk melayan perasaan dan teringat kembali dengan kenikmatan menagih dadah. Perasaan bosan menyebabkan beliau kembali menagih walaupun baru sahaja keluar dari pusat pemulihan. Ini boleh dilihat melalui kenyataan Bunga:

“Lepas bebas, gua curi-curi hisap balik. Gua duduk sama suami baru gua. Masa dia keluar, gua duduk seorang, gua tidak ada anak, duduk sorang-sorang gua rasa bosan, tengok tv pun gua rasa bosan juga, jadi gua hisap balik laa”

Perasaan bosan juga menyebabkan penagih kembali berjumpa dengan kawan-kawan lama dan untuk memastikan kemesraan di antara kawan-kawan kekal terjalin, penagih tertewas dan kembali menagih. Ini boleh dilihat oleh kenyataan Sharen

“kadang-kadang saya bosan tak tahu nak buat apa, bila bosan mula la kepala saya teringat nak hisap balik”.

Perasaan marah dan dendam

Perasaan marah dan dendam juga menjadi sebab kenapa penagih kembali relaps. Perasaan tidak berpuas hati dan sebagai tanda protes merupakan subfaktor diri sendiri yang mendorong mereka untuk mendekati diri kembali dengan dadah. Sharen menyatakan:

“Selepas kes itu saya tak tahu pandu kereta, saya telefon polis suruh mari bawa saya ke hospital, tak bawa juga. Relaps, jatuh balik, pergi cari ais. Sebab marah, saya ambil baju, saya sewa bilik. Start hisap balik, bila sudah tekan minyak, saya sudah tak tahu nak stop. Lepas tu macam manakan, dulu saya rasa macam mahu mati. Tak ada hisap rasa sangat susah”.

Hal ini turut disokong oleh Roslina yang bersetuju bahawa perasaan marah dan dendam merupakan antara faktor yang menyebabkan beliau kembali relaps. Ini boleh dilihat melalui kenyataan beliau:

“Kadang-kadang rasa marah juga pada adik beradik dan keluarga sebab kalau benda-benda negatif mesti mereka jadikan kita sebagai contoh, macam tak ada orang lain. Jadi bila dah selalu sangat diaorang buat saya macam ni, saya jadi marah, dendam. Macam ni baik saya terus hisap saja.”

Faktor Keluarga

Dalam membincangkan mengapa penagih boleh kembali relaps, salah satu faktor penolak mereka ke kancah ini adalah disebabkan oleh institusi kekeluargaan. Institusi kekeluargaan yang goyah dan rapuh merupakan salah satu penyebab mengapa penagih kembali relaps. Keluarga yang berpecah belah menyebabkan anak-anak terabai dan terlibat dengan kancah negatif.

Kekurangan kasih sayang

Kurangnya kasih sayang yang diperoleh dalam keluarga juga antara faktor yang menyebabkan seseorang penagih itu kembali relaps. Menurut Bunga yang sudah dihalau keluar dari rumah oleh keluarganya sejak berusia 11 tahun dan telah berkahwin dan mendapat anak pada usia 12 tahun. Keluarganya tidak dapat menerimanya kembali menyebabkan beliau kembali kepada suami dan menagih.

“Keluarga tak mahu terima gua lagi. Apa macam pun gua tak boleh terima. Tak payah kita mengemis terlalu lama dekat orang, dari kecik, sudah cukup gua terima. Diaorang buat gua macam ni, gua terasa hati. Gua banyak sedih. Sampai sekarang pun gua tak boleh terima itu hakikat. Gua punya adik beradik semua sekolah. Tapi gua tak ada apa. Dalam rumah gua kerja teruk. Tak kisah la. Bila gua bebas, keluarga gua tak mahu terima. Gua tak dapat kasih sayang macam adik beradik gua yang lain. Gua balik sama suami gua balik, suami gua datang rumah, bawa gua dan anak balik. Gua fikir tak mahu balik lagi rumah, tak mahu, sudah cukup”.

Faktor kurangnya kasih sayang juga turut dialami oleh Roslina. Beliau mengakui akibat kekurangan kasih sayang dan perhatian dalam keluarga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan beliau kembali relaps.

“Dalam keluarga, adik beradik yang lain pandai-pandai, saya ni jenis slow sikit, dari sekolah rendah lagi. Jadi perhatian dan kasih sayang emak ayah lebih kepada adik beradik lain berbanding saya. Hari ni diaorang semua dah kerja besar-besar, bila saya bebas dan balik rumah, perhatian mak ayah lebih pada mereka dan cucu-cucu, sejak kecil saya rasa saya kurang dapat kasih sayang, sebab tu saya fikir lebih baik saya hidup macam ni, menagih balik”.

Perasaan terasing di dalam keluarga

Konflik yang wujud diantara remaja dan ibu bapa merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kenakalan tingkahlaku golongan remaja. Sekiranya remaja tersebut tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan konflik tersebut, maka tingkahlaku mereka akan menimbulkan masalah sosial (Jas Laile Suzana, 2002). Rasa terasing dan tersisih di dalam keluarga juga merupakan konflik dalaman yang akan menghantui diri para penagih. Kesan daripada itu mereka akan menunjukkan protes dengan melakukan perkara yang boleh menghiburkan hati dan mengatasi kedukaan. Ini boleh dilihat dari kenyataan Roslina

*“Kalau boleh, saya nak family saya ok. Saya tak nak bila saya balik rumah, kadang-kadang mak saya pandang saya macam anak tiri dia”
“kenapa?”*



“saya rasa saya seperti anak tiri untuk diorang. Saya rasa la. Sebab saya tengok adik beradik saya yang lain semua dilayan manja. Kenapa saya, mak bapa saya pandang saya semacam, tidak dilayan seperti mereka. Oleh itu, lebih baik hidup macam ni. Lagi baik saya menagih. Saya mati cepat sikit. Saya fikir macam tu pula”.

Roslina turut menceritakan yang dirinya turut dijadikan bahan sindiran oleh adik beradiknya. Dirinya sentiasa dijadikan contoh yang tidak baik kepada anak-anak saudaranya agar mereka tidak menjadi seperti dirinya. Mengikut Roslina

“Macam saya dah berhenti, bila saya keluar dari pusat saya terfikir balik, kakak dan kawin dah ada anak, abang dah kawin dah ada anak. Lepas tu diaorang pula tak hisap rokok, anak-anak diaorang didik dengan elok. Bila saya balik sana, kadang-kadang adik beradik saya ada juga sebut kan, jangan la ikut mak su tu, mak su tu jahat. Hisap dadah apa semua. Sebut depan-depan kita pula tu macam kita ni tak ada hati dan perasaan. Lepas tu kita mesti terasakan, terus bawa diri”.

Faktor ini juga dikukuhkan lagi dengan kenyataan yang dibuat oleh Sharen. Beliau tidak mendapat kasih sayang dalam keluarga dan berasa terasing bila bersama mereka. Ini menyebabkan beliau menjadi bertambah tertekan dan mengambil jalan mudah dengan mengambil semula dadah. Mengikut Sharen:

“Sedih. Semua orang dalam keluarga saya tak percaya saya. Marah-marah. Saya selalu keseorangan, tidak mempunyai teman. Saya hisap, saya tak ada pot, gabungan kawan-kawan ke, dengan patner, tak ada. Saya hisap tahu seorang saja. Saya pergi mana-mana pun, saya tidak mempunyai kawan, rakan atau keluarga yang boleh bercakaplah. Semua saya kumpul dalam, sorang-sorang, dengan keluarga saya seperti orang asing”.

Faktor Pendapatan

Tiada mempunyai sumber pendapatan tetap

Tiada mempunyai sumber pendapatan tetap atau mempunyai lebih pendapatan juga menjadi faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu kembali menagih. Faktor usia yang sudah tua dan kesukaran mendapatkan pekerjaan menyebabkan seseorang penagih mengambil jalan singkat untuk menyara kehidupan mereka dengan menjual dadah. Apabila terlibat semula dengan dadah, adalah amat sukar bagi seseorang penagih itu untuk berhenti daripada penagihan. Ini boleh dilihat melalui kenyataan Bunga:

“Hisap balik kadang-kadang gua rasa gua ni tak kuat, ada lemah. Keadaan mendesak, susah. Gua kerja pun tak cukup wang, sebab gua sewa bilik, satu hari sewa bilik kadang-kadang RM24. Gua tak ada wang. Jadi gua tak tahu nak kerja apa. Kawan-kawan gua campur semuanya penagih. Diaorang cakap takkan kau selama-lamanya mahu susah?. Takkan selama-lamanya kau nak tumpang kawan?. Gua minta dekat member wang, gua buat sendiri, beli satu paket, buat modal. Gua niaga mahu dapat wang untuk makan”.

Bunga juga turut menyatakan keadaan yang cukup menekankan menyebabkan beliau tiada pilihan dan kembali terjebak dengan dadah walaupun sudah berulang kali memasuki pusat serenti.

Mengikut Bunga

“Gua masuk pusat, keluar pusat, apa yang gua dapat? Tapi gua masih tetap lakukan. Sebab apa? Sebab gua nak makan..”

Soal kekurangan pendapatan ini juga turut dinyatakan oleh Roslina

“Saya sekolah tak tinggi, sampai tingkatan satu saja. Kerja apa yang saya boleh buat, takkan selamanya saya mahu tumpang kawan, asyik minta dan menumpang dengan diaorang saja. Saya pun mahu hidup, mahu makan. Duit tak ada, penagih macam saya ni, yang saya tahu hanya tolak barang saja, mula-mula tolak barang, last-last jadi penagih balik”.

Mempunyai lebih pendapatan

Mempunyai duit yang banyak juga menjadi faktor kepada berlalunya relaps. Kebanyakan penagih tidak mengetahui apakah yang perlu dilakukan oleh mereka dengan duit yang mereka miliki dan di saat itu lah mereka mula teringat kenangan lama dan kembali melakukan



perkara-perkara melalaikan seperti minum arak dan akhirnya terjebak semula kepada najis dadah. Asmah menyatakan keuntungan yang diperolehi olehnya dalam perniagaan dadah memang lumayan sehingga boleh mencecah tujuh hingga lapan ribu ringgit sehari. Duit yang lumayan dan kerja menjual dadah memang faktor yang mendorong beliau untuk kembali relaps.

“Lepas bercerai buat kerja apa?”.

“Tolak barang je la kerja saya. Mengedar dadah lah. Beli dadah, mengedar”.

“Berapa sehari boleh dapat untung?”.

“Dalam sehari kalau nak di ikutkan, kalau saya tolak paket-paket besar tu, RM 7000 hingga RM8000 satu hari. Kalau ambil barang, sekali ambil RM15,000. Bila tolak paket-paket, jual bolehlah dapat RM7000-RM8000 untung. Hmmm, RM15,000 tu tak kira saya hisap le. Satu hari RM 8000, esok dapat lagi, lusa dapat lagi”.

Faktor Penolakan Masyarakat

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, penolakan masyarakat juga merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada penagihan semula dadah. Mengikut Roslina, sikap masyarakat yang sering memandang negatif kepada bekas penagih merupakan satu cabaran kepada mereka. Roslina menyatakan:

“Kerja memang susah nak dapat bila mereka tahu kita ni bekas penagih dadah. Kita pun faham, majikan pun mestilah nak dapatkan pekerja yang ada rekod baik tapi kalau kita tak diberi peluang, macam mana kita nak jadi baik. Orang kampung pun pandang sinis bila kita balik kampung, jadi sebab tu saya pindah pergi tempat lain, tinggal dekat rumah bekas suami”. (Roslina).

Sharen turut menyatakan dengan gelaran penagih yang dipegang menyebabkan beliau sukar untuk mendapatkan pekerjaan terutama pekerjaan yang elok-elok.

“Saya sekolah tak tinggi. Jadi nak kerja besar-besar mesti tak boleh. Jadi kalau nak kerja yang biasa-biasa pun susah bila mereka tahu saya ni bekas penagih. Jadi mula la kembali kerja kat tempat lama, kelab malam, situ tak susah, majikan pun senang terima”. (Sharen).

Menurut kajian rambang yang dijalankan oleh Mahmood Nazar Mohamed (1996) ke atas 60 unit keluarga di kawasan utara semenanjung mendapati, 95% peserta daripada kalangan anggota masyarakat awam memberi pandangan bahawa mereka menganggap penagih sebagai sekumpulan manusia yang tidak berguna untuk negara. Hanya 18% sahaja di kalangan mereka yang berpendapat bahawa penagih dadah adalah satu penyakit yang harus diubati manakala 6% lagi berpendapat bahawa semua penagih harus dibawa ke suatu tempat yang jauh daripada masyarakat dan tidak dibenarkan kembali kerana kesalahan yang mereka lakukan dan tidak boleh dimaafkan lagi. Dapatan ini juga di sokong oleh dapatan yang diperoleh oleh pengkaji.

Faktor masyarakat yang menolak juga menjadi salah satu faktor mengapa penagih boleh kembali relaps. Sikap masyarakat yang sering bersangka buruk dan mengandaikan perubahan penagih hanyalah bersifat sementara menyebabkan penagih berasa kecewa dan mudah berputus asa. Masyarakat yang kurang memberi sokongan dan mudah melabelkan bekas penagih sebagai punca sekiranya sesuatu peristiwa buruk terjadi di dalam komuniti menyebabkan penagih berasa tidak berguna walaupun mereka berusaha untuk pulih kerana selamanya mereka akan dilabel sebagai manusia yang tidak berguna. Ada dalam kalangan mereka yang dituduh sebagai pencuri sekiranya duit tabung masjid hilang atau tandan kelapa sawit di curi, sedangkan pada ketika itu mereka benar-benar tidak melakukannya.

Faktor Kurangnya Pengetahuan dan Pengamalan Agama

Agama memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang manusia. Agama mengajar manusia untuk berperilaku baik dan berakhlak mulia. Pengetahuan agama yang kurang juga menjadi faktor lemahnya hati dan memudahkan seseorang itu untuk terjebak semula ke kancuh penagihan. Asmah mengakui yang beliau sangat lemah berkenaan agama. Beliau juga tidak mempraktikkan solat walaupun telah diberikan didikan oleh ibunya sedari kecil. Ini boleh dilihat melalui kenyataan Asmah:



“Agama saya memang lemah. Kalau sembahyang semua saya tahu lah. Kalau bab agama memang saya tak ambil tahu apa”

“sembahyang tetap sembahyang lah?”

“sembahyang semua saya tahu sebab mak saya ajar saya daripada kecil..”

“tak amal?”

“cuma tak amal lah.. kalau dekat luar, kalau dah hisap dadah, memang tak ingat apa dah”

“dengan suami dulu pun tak sembahyang lah?”

“hmm tak..”

“pengetahuan agama macam mana?”

“pengetahuan agama tu kurang sikit. Mengerti tapi tak melakukan. Tak ambil indah lah”.

Faktor Pengaruh Media Massa yang Mengingatkan Kembali Kenangan Lama

Pengaruh media massa juga merupakan antara faktor yang pengkaji temui sebagai salah satu faktor yang menyebabkan seseorang penagih itu kembali relaps. Cerita-cerita yang dipaparkan di dalam media massa seperti televisyen kadang kala boleh menyebabkan seseorang penagih itu teringat kenangan silam yang menghantui dirinya. Sekiranya ia berkaitan dengan pengalaman sedih dalam kehidupannya, perasaan yang sama akan bertandang kembali dan menghantui diri penagih.

Faktor media massa ini juga turut dinyatakan oleh peserta kajian. Sharen sebagai contoh, apabila menonton cerita-cerita cinta di kaca televisyen atau panggung wayang, fikirannya akan terus teringat kepada kisah-kisah cintanya yang sungguh menyayat hati. Mengikut beliau, kerana teman lelaki lah yang menyebabkan beliau terjebak ke dalam kancah penagihan dan mengenal apa itu dadah. Setelah menonton filem atau drama yang cukup sinonim dengan peristiwa dirinya, menyebabkan hati beliau mudah menjadi sedih dan mengambil semula dadah.

“ You tahu, bila saya tengok balik cerita-cerita especially cerita cinta, hati saya akan jadi rasa sangat sedih. Kalau orang lain boleh hisap dadah sebab lain, saya sebab cinta. Cinta itu sungguh indah, tapi cinta itu juga menyakitkan. Saya hisap dadah sebab lelaki dan saya kembali hisap dadah pun sebab lelaki, because of love. Bila tengok cerita-cerita macam ni, hati saya jadi sedih dan mula teringat untuk ambil balik dadah”

Rumusan dan Cadangan

Daripada kajian yang telah dijalankan, dapatan kajian mengenai faktor yang menyebabkan seorang penagih wanita kembali relaps telah membentuk enam tema yang utama iaitu faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor pendapatan, faktor penolakan masyarakat, faktor kurangnya pengetahuan dan pengamalan agama dan juga faktor media massa yang mengingatkan kembali kepada kenangan lama.

Faktor-faktor inilah yang menjadi punca mengapa bekas penagih dadah wanita mudah untuk kembali relaps. Usaha yang konsisten perlulah dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada diri sendiri, kerajaan, swasta dan NGO bagi meminimalkan faktor ini daripada berleluasa hingga akhirnya membazirkan wang rakyat sebegitu sahaja dalam aktiviti pemulihan.

Dewasa ini, penagih dadah sudah tidak lagi dilabelkan sebagai penjenayah tetapi sebagai pesakit. Sebagaimana pesakit kanser memerlukan ubat untuk terus hidup, begitulah juga penagih dadah yang memerlukan dadah bagi memastikan mereka dapat terus hidup dan berfungsi dengan baik. Oleh kerana itulah, kerajaan telah memperkenalkan terapi dadah gantian iaitu methadon sebagai salah satu usaha untuk memulihkan pesakit yang ketagihan dadah ini. Sudah sampai masanya masyarakat sepatutnya sedar dan tidak lagi menganggap penagih dadah ini sebagai penjenayah yang menakutkan. Sikap masyarakat yang sering memandang serong dan mencemuh menyebabkan bekas penagih berkecil hati lantas berfikiran singkat untuk kembali kepada cara hidup yang lama. Penolakan masyarakat ini juga dibuktikan dengan kesukaran bekas penagih untuk mendapat pekerjaan. Majikan akan mudah menolak apabila mengetahui mereka ini adalah bekas banduan dan penagih dadah. Senario yang berlaku ini memberikan tekanan kepada mereka dan apabila ditambah pula dengan faktor hati yang tidak kuat dan mudah tergoda dengan dugaan, mereka akhirnya kembali mengambil dadah sebagai jalan penyelesaian.

Kajian ini sebenarnya turut mengambil kira penceritaan peserta kajian yang mewakili golongan penagih dadah tegar terhadap luahan dan isi hati serta keinginan sebenar mereka, terdapat beberapa cadangan yang boleh dirumuskan yang dapat membantu serta menjadi panduan



pihak yang berkepentingan termasuklah peranan yang boleh dimainkan oleh anggota masyarakat. Pada pengamatan pengkaji, golongan penagih dadah ini sebenarnya berpotensi besar untuk dikembangkan, namun mereka sebenarnya memerlukan bimbingan yang padu bermula dari institusi kekeluargaan, berkembang kepada penerimaan anggota masyarakat seterusnya ke peringkat yang lebih besar lagi. Golongan penagih dadah wanita sebenarnya mempunyai keinginan untuk berada dalam kelompok masyarakat, didekati serta berkeinginan untuk menyumbang kepada masyarakat, namun seringkali di pandang serong oleh segelintir masyarakat terhadap keinginan mereka untuk terlibat bersama-sama. Pendekatan yang baik bagi menarik penglibatan mereka adalah melalui minat mereka. Mereka mempunyai keinginan untuk menjadi sebahagian anggota masyarakat dan mempunyai keinginan untuk dilibatkan bersama-sama dengan anggota masyarakat seperti bergotong royong bersama-sama.

Para penagih dadah wanita ini juga mempunyai keinginan untuk dijemput oleh mana-mana organisasi, badan atau persatuan untuk sama-sama membantu mereka menjayakan sesuatu program yang dianjurkan. Setidak-tidaknya golongan penagih dadah wanita ini merasa mereka dihargai dan diiktiraf dalam masyarakat melalui sumbangan yang diberikan oleh mereka. Pihak sekolah sebagai contohnya, boleh menjemput para penagih yang baru dibebaskan untuk menyampaikan ceramah tentang bahaya dadah di sekolah-sekolah. Mereka boleh menceritakan pengalaman kehidupan mereka ketika menagih dan ketika berada di dalam penjara dan pusat pemulihan untuk dikongsi bersama dengan para pelajar sekolah seterusnya menjadi sempadan kepada mereka yang mendengar. Ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan penghargaan diri para penagih kerana dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Kesediaan ini memang diutarakan sendiri oleh para penagih sewaktu pengkaji menemubual mereka.

Usaha ini perlu dilakukan dengan segera bertujuan untuk mengurangkan jurang antara golongan penagih dadah dengan masyarakat. Masyarakat pada masa kini dilihat seolah-olah ingin menjauhkan diri dengan golongan sebegini dengan tanggapan golongan penagih dadah ini adalah insan yang tersangat teruk dan tidak mempunyai harapan untuk berubah sehingga golongan penagih ini berasa disisihkan dan tidak layak untuk bersama-sama dengan organisasi masyarakat. Pengkaji tertarik dengan cadangan yang diutarakan oleh para penagih sendiri yang mencadangkan agar diwujudkan program “satu kampung menjaga satu penagih”. Maknanya sebuah kampung mengambil seorang penagih dadah tegar sebagai anak angkat mereka. Seluruh penduduk kampung yang diketuai oleh penghulu bertanggungjawab menjaga, mendidik dan memantau perkembangan penagih tersebut. Penagih tersebut akan diberi pekerjaan dan dirinya akan dipantau oleh seluruh warga kampung terbabit. Kebanyakan penagih mengakui mereka boleh berhenti menghisap dadah ketika berada di dalam pusat rawatan dan penjara kerana keadaan diri yang sentiasa dipantau, tetapi apabila dibebaskan mereka cenderung untuk kembali menagih kerana kurangnya pemantauan dan jagaan daripada pihak yang berwajib. Suasana dan persekitaran yang kurang berisiko adalah amat penting bagi membantu para penagih berkenaan untuk tidak kembali relaps.

Kesimpulannya, seluruh masyarakat seharusnya lebih ikhlas untuk membantu dan membimbing bekas penagih dengan memberi sokongan dan dorongan tidak berbelah bahagi kepada bekas penagih untuk lebih berkeyakinan meneruskan kehidupan. Dengan adanya kerjasama semua pihak dalam menangani masalah ini, sudah pasti dapat membantu bekas penagih membina kehidupan yang lebih berketerampilan dan berefikasi tinggi untuk terus menjalani hidup, sihat bebas tanpa dadah.



Bibliografi

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (2009). *Laporan dadah Januari-Disember 2009*. Putrajaya: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (2005). *Laporan dadah Januari-Disember 2005*. Putrajaya: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- Bandura, A. (1977). Self efficacy: Toward a unifying theory of behaviour change. *Psychology Review*, 84(2), 191-215.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar. (2009). Factors effecting drug relapse in Malaysia: An empirical evidence. *Asian Sosial Science*, 5(12), 37-44.
- Fauziah Ibrahim. (2008). *Pengaruh faktor individu, persekitaran sosial dan keberkesanan program pemulihan dadah dalam kalangan penagih relaps*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1996). Peranan dan penglibatan keluarga dan masyarakat dalam pencegahan penagihan dadah. *Jurnal PERKAMA*.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan, falsafah teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

